

17 JUL 2001

MAHATHIR-DUIT

DR MAHATHIR LANCAR DUIT SYILING EMAS MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan duit syiling emas, Kijang Emas, yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Aziz Akhtar Aziz berkata Kijang Emas adalah setaraf dengan duit syiling emas yang dikeluarkan oleh negara-negara lain seperti Canadian Maple Leaf, American Gold Eagle, Australian Nugget dan British Britannia.

Malaysia merupakan negara ke-12 di dunia yang mengeluarkan wang emasnya sendiri.

Kijang Emas dibuat oleh The Royal Mint of Malaysia dan akan diedarkan oleh Malayan Banking Bhd serta Bumiputra Commerce Bank Bhd di cawangan terpilih di seluruh negara mulai esok.

Zeti berkata syiling emas itu adalah berbeza daripada syiling peringatan yang dikeluarkan oleh bank pusat itu kerana ia boleh dibeli dan dijual semula mengikut harga pasaran emas antarabangsa.

Harga emas akan disebut harga di laman web Bank Negara, www.bnm.gov.my.

Kijang Emas dikeluarkan dalam tiga saiz, satu auns, setengah auns dan suku auns dengan ketulinan 999.9.

"Nilai muka Kijang Emas iaitu RM200 bagi satu auns, RM100 bagi setengah auns dan RM50 bagi suku auns dijamin oleh kerajaan bagi nilai minimum syiling emas," katanya lagi. -- BERNAMA

MOT KTC NHD OS